



UNTUK SIARAN  
SEGERA

## SIARAN MEDIA

### LTAT DAN PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN METERAI PERJANJIAN JUAL BELI RUMAH KELUARGA MALAYSIA ANGKATAN TENTERA-TENTERA DARAT

**KUALA LUMPUR, 3 November 2021:** Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) hari ini menandatangani Perjanjian Jual Beli dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi pembelian 2,000 unit Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera – Tentera Darat di Taman LTAT, Bukit Jalil.

Selaras dengan upacara menandatangani perjanjian tersebut, **Majlis Pelancaran Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKMAT)** telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob, bertepatan dengan teras konsep Keluarga Malaysia, iaitu Keterangkuman, Kebersamaan, dan Kesyukuran. Turut hadir menyempurnakan majlis pelancaran dan selaku saksi upacara tandatangan perjanjian ialah YB Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein, Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Bin Buang, Panglima Tentera Darat, YBhg. Jeneral Tan Sri Datuk Zamrose Mohd Zain, dan Pengurus LTAT, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Bin Raja Mohamed Noor (Bersara).

Perjanjian bagi pihak LTAT telah ditandatangani oleh Ketua Eksekutif LTAT, YBhg. Dato' Nazim Rahman, manakala pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan diwakili oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, En. Abdul Rahman bin Johor. Perjanjian tersebut memeterai penjualan unit kediaman oleh LTAT kepada Tentera Darat pada harga RM560 juta, merangkumi empat (4) blok pangapuri 38 tingkat yang dibina atas tanah seluas 8.194 ekar dan keluasan binaan 850 kaki persegi untuk setiap satu unit kediaman.

Pada majlis yang sama, upacara penyerahan kunci simbolik RKMAT kepada Tentera Darat telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri kepada Panglima Tentera Darat,

Jeneral Tan Sri Datuk Zamrose Mohd Zain serta empat (4) orang Ketua Keluarga anggota Tentera Darat yang terpilih bagi mewakili 2,000 orang bakal penghuni RKMAT.

Mengulas tentang perjanjian jual beli ini, Ketua Eksekutif LTAT Dato' Nazim Rahman berkata, "Sejak tahun 2001, LTAT telah berjaya membina lebih 9,000 unit kediaman di Johor, Perak, Selangor dan Kuala Lumpur. Projek Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera ini merupakan salah satu inisiatif LTAT untuk menyediakan perumahan yang berkualiti dan selesa untuk kemudahan anggota Tentera Darat dan keluarga mereka."

"Sebagai dana persaraan yang mempunyai tanggungjawab terhadap lebih 110,000 pencarum tentera, LTAT meletakkan kesejahteraan anggota tentera sebagai pasak utama dalam aktiviti pelaburan dan perniagaan kami, dan kemudahan perumahan adalah antara agenda utama dalam memastikan kebajikan anggota tentera sentiasa terpelihara," tambah beliau.

### **Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan badan berkanun yang menyediakan kemudahan kepada para Pegawai dan anggota Lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia serta anggota kerahan sukarela menabung untuk persaraan mereka. Di bawah skim LTAT, pencarum dikehendaki wajib mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencarum sukarela, jumlah caruman bulanan bermula sekurang-kurangnya RM25 sehingga had maksimum RM2,000 sebulan. LTAT menguruskan hampir RM9.7 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat Ogos 2021, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan harta tanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusniaga kewangan serta industri berat.

#### **PERHUBUNGAN MEDIA:**

Pn. Nurin Mastura  
Pengurus Komunikasi  
Jabatan Komunikasi  
Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Tingkat 8, Bangunan LTAT  
Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

E-mel: [nurin@ltat.org.my](mailto:nurin@ltat.org.my)  
Laman web: [www.ltat.org.my](http://www.ltat.org.my)